KOH KEE HUAT

lwn.

OCBC SECURITIES SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
AHMAD MAAROP PK
[RAYUAN SIBIL NO: 12-11 TAHUN 2000]
31 MEI 2001

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Kegagalan menyatakan alamat tempat kediaman perayu dan peguambela - Samada afidavit cacat - Samada boleh digunakan sebagai keterangan - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 25 k. 22(4)*

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Kegagalan mematuhi salah satu bentuk borang 71 - Keperluan penggunaan bentuk jurat yang betul dan lengkap - Samada mandatori - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 25 k. 22(7) dan A. 25 k. 22(8) - Samada afidavit boleh digunakan sebagai keterangan*

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Kegagalan menyatakan tarikh bila afidavit diikrarkan dan difailkan - Samada afidavit boleh digunakan sebagai keterangan - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 25 k. 30(2)*

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Kegagalan mematuhi peruntukan di bawah kaedah-kaedah mahkamah - Samada afidavit boleh digunakan sebagai keterangan - Kegagalan perayu menunjukkan pembelaan yang bermerit - Samada perayu menimbulkan arguable atau triable issue*

Rayuan perayu dalam kes ini adalah terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang telah menolak permohonan perayu untuk mengenepikan penghakiman engkar yang telah dimasukkan oleh mahkamah tersebut. Perayu telah memfailkan notis permohonan dan permohonan perayu telah disokong oleh afidavit Shaari Nor ("Shaari") peguambela bagi perayu dan afidavit perayu.

Isu-isu yang perlu dipertimbangkan ialah samada: (1) afidavit sokongan Shaari dan afidavit perayu telah gagal mematuhi A. 25 k. 22(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KMR) kerana tidak menyatakan alamat tempat kediaman; (2) afidavit-afidavit tersebut gagal mematuhi A. 25 k. 22(7) dan k. 22(8) KMR kerana penggunaan jurat tidak betul dan lengkap dan; (3) afidavit-afidavit tersebut juga gagal mematuhi A. 25 k. 30(2) KMR kerana tidak menyatakan tarikh bila afidavit-afidavit tersebut diikrarkan dan difailkan.

Soal utama untuk pertimbangan mahkamah ini ialah samada afidavit-afidavit yang telah dikemukakan oleh dan bagi pihak perayu boleh digunakan sebagai keterangan.

Diputuskan:

[1] Dalam afidavit Shaari, alamat yang terdapat di situ ialah alamat penyampaian Tetuan Shaari Nor & Co. Tiada bukti untuk menunjukkan bahawa ini juga adalah tempat kediaman Shaari. Dalam afidavit perayu pula, alamat yang terdapat adalah alamat pos dan bukan alamat kediaman perayu. Di mana sebenarnya tempat kediaman perayu tidak dinyatakan. Jadi, afidavit Shaari dan perayu adalah cacat kerana tidak menyatakan tempat kediaman masing-masing. Keperluan di bawah A. 25 k. 22(4) adalah suatu keperluan yang mesti dipatuhi. Atas alasan ini sahaja kedua-dua afidavit tersebut boleh ditolak penggunaannya.

[2] Jurat kepada afidavit Shaari tidak mempunyai tajuk dan dalam jurat perkataan yang digunakan ialah "ditandatangani oleh" bukan "diangkat sumpah (atau diikrarkan)" seperti yang ditetapkan dalam borang 71. Keperluan untuk menggunakan bentuk jurat yang betul dan sempurna seperti ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah mahkamah adalah keperluan yang mandatori, dan kegagalannya akan mengakibatkan afidavit tersebut cacat dan tidak boleh digunakan sebagai keterangan. Afidavit-afidavit tersebut gagal mematuhi A. 25 k. 22(7) dan k. 22(8) KMR.

[3] Nota yang terdapat di hujung afidavit Shaari dan di bahagian bawah muka terakhir afidavit perayu tidak menyatakan tarikh bila afidavit tersebut diikrarkan dan difailkan, oleh itu afidavit-afidavit tersebut cacat kerana gagal mematuhi A. 25 k. 30(2) KMR.

[4] Mengenai afidavit perayu pula, selain dari kecacatan berkaitan dengan kegagalan menyatakan alamat kediaman, jurat yang terdapat di afidavit tersebut gagal mematuhi borang 71, KMR. Kedua, jurat di hujung afidavit perayu tidak mempunyai tajuk dan ketiga afidavit perayu adalah dalam bahasa melayu. Tiada bukti dari jurat tersebut dan juga mana-mana bahagian lain dalam afidavit perayu sendiri yang menunjukkan dengan jelas bahawa perayu fasih dalam bahasa melayu, terjemahan tidak diperlukan dan pesuruhjaya sumpah yang menandatangani jurat tersebut telah berpuashati dengan kemahiran dan kefahaman perayu dalam bahasa melayu.

[5] Dalam kes ini, tiada permohonan samada secara formal atau lisan yang telah dikemukakan kepada mahkamah untuk mendapatkan kebenaran

menggunakan afidavit-afidavit yang cacat itu. Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bahawa afidavit sokongan Shaari dan afidavit perayu tidak boleh digunakan dalam keterangan.

[6] Perayu telah gagal untuk menunjukkan kepada mahkamah bahawa dia mempunyai pembelaan yang bermerit. Tanpa apa-apa afidavit, perayu juga telah gagal untuk menimbulkan arguable atau triable issue.

[Permohonan perayu ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Wong Gek Meng v. Pathmanathan Mylvaganam [1998] 1 CLJ 625 ***(refd)***
Gan Thing Phing v. Ong Gek Kim (No 2) [1999] 7 CLJ 146 ***(refd)***
Hj Mohamed Suboh v. Devadas [1981] 1 MLJ 136 ***(refd)***
Han Euu Tiam v. Phang Kui Fatt & Ors [1999] 4 CLJ 395 ***(refd)***
Hasil Bumi Perumahan Sdn Bhd v. United Malayan Banking Corp Bhd [1994] 1 CLJ 329 ***(refd)***
Lim Goh Huat v. Saw Keng See [1998] 6 MLJ 600 ***(refd)***
Mohd Nazir Badar v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2000] 2 CLJ 805 ***(refd)***
Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v. Pua Lai Ong [1996] 3 CLJ 321 ***(refd)***
PL Construction Sdn Bhd v. Abdullah Said [1989] 1 MLJ 60 ***(refd)***
Syarikat Joo Seng & Anor v. Habib Bank Ltd [1986] 2 MLJ 129 ***(refd)***
Syarikat Telekom Malaysia Bhd v. Business Chinese Directory Sdn Bhd [1994] 2 CLJ 729 ***(refd)***
Utama Merchant Bank Bhd v. Dato Mohd Nadzim Mohd Salleh [2001] 2 CLJ 235 ***(refd)***
Voon Mow Chen v. Menteri Dalam Negeri & Anor And Five Other Cases [1993] 4 CLJ 195 ***(refd)***
Yu Oi Yong & Anor v. Ho Toong Peng & Ors [1977] 1 MLJ 120 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (KMR) 1980, A. 25 k. 22(4), (7), (8), 30(2), A 53 k. 2(3), 7

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop PK:

Menurut pernyataan tuntutan responden (plaintif), responden adalah sebuah Syarikat Sdn Bhd yang ditubuhkan di Malaysia dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Responden juga adalah ahli Bursa Saham Kuala Lumpur dan pada semua masa yang material responden mempunyai lesen perniagaan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Perayu (defendan) pula adalah

seorang bekas remisier responden yang telah menjalankan transaksi menjual dan membeli saham untuk kliennya melalui responden.

Responden mendakwa bahawa pada 19 April 1991, perayu telah menandatangani satu surat tanggung-rugi (indemnity). Melalui surat tanggung-rugi tersebut perayu bersetuju dan mengesahkan untuk menanggung rugi kepada responden atas segala kerugian ekoran dan transaksi yang dikendalikan oleh perayu untuk kliennya dan juga serahan jualan saham-saham oleh kliennya sekiranya saham-saham tersebut tidak dapat didaftarkan (not good for delivery). Dalam surat tanggung rugi tersebut perayu juga bersetuju untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami oleh responden dalam masa 14 hari selepas notis tuntutan disampaikan kepadanya. Selepas tempoh notis tersebut, amaun yang dituntut akan dianggap sebagal hutang jumlah tertentu dan dijadikan 'actionable' dengan serta merta.

Pada masa yang material perayu mempunyai klien-klien berikut:

Nama Klien	**Kod Klien**
Ee Hock Heng	E 0060
Goh Peng	G 0290
Lee Leong Chuan	L 2115
Pang You Yin	P 0253
Yau Soo Ting	Y0015
Chong Hon	C 1310

('klien-klien perayu tersebut')

Klien-klien perayu tersebut telah membeli atau menjual saham-saham berikut melalui responden sebagal Ahli Syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur:

Nama Klien	**Tarikh/**	**Kaunter**	**No. Sijil Saham**
Pang You Yin	S 49088 - (19/4/91)	Johan Holdings	245939 245940 267978
Pang You Yin	S 12632 - (11/9/90)	Arab (M) Dev.	973188 992503
Goh Peng	S 62155 - (6/6/91)	Arab M'sian Corp.	79797 97998
Goh Peng	S 65188 - (7/5/90)	Pegi (M) Bhd	184986

Lee Leong Chuan	S 25529 - (27/2/91)	Malaysian Resources Bhd.	0158769
Lee Leong Chuan	S 25796 - (27/2/91)	Arab (M) Dev.	1099812
Lee Leong Chuan	S 25058 - (27/2/91)	Mulpha Int. Trading	0198279-06
Lee Leong Chuan	P 26487 - (28/2/91)	Johan Holdings	326934 326937 326938
Lee Leong Chuan	S 25796 - (27/2/91)	Arab (M) Dev.	111786
Lee Leong Chuan	S 25062 - (27/2/91)	TR Ind. Bhd.	199750 393502 393503
Lee Leong Chuan	S 25061 - (27/2/91)	TR Ind. Bhd.	437908
Lee Leong Chuan	S 25528 - (27/2/91)	Time Engineering	062381
Lee Leong Chuan	S 25058 - (27/2/91)	Mulpha Int.	019280-10
Lee Leong Chuan	P 26487 - (28/2/91)	Johan Holdings	326935 326936
Lee Leong Chuan	P 23887 - (26/2/91)	Innovest Bhd	B 0240097 - 6 B 0240096 - 8
Pang You Yin	S 2663 - (14/1/91)	Diversified Resource Bhd	640287 654225
Pang You Yin	S 2442 - (11/1/91)	MCB Holdings Bhd	0054560
Yau Soo Ting	S 6751 - (28/1/91)	Hexza Corp Bhd	202655 202656 211602
Yau Soo Ting	S 3763 - (17/1/91)	Pegi (M) Bhd	237407
Yau Soo Ting	S 6733 - (28/1/91)	Lingui Dev.	090666
Yau Soo Ting	S 6746 - (28/1/91)	Lingui Dev.	049966
Chong Hon	S 20706 - (27/9/90)	Sateras	097128
Ee Hock Heng	P 10473 - (5/9/90)	Asia Pac Holdings	128840 202786

("Sijil-sijil saham tersebut")

Responden mendakwa bahawa responden kemudiannya dari masa ke semasa menerima notis daripada Securities Clearing Automated Network Service Sdn Bhd ("SCANS") bahawa sijil-sijil saham tersebut adalah merupakan "scrips redrawn" atas sebab sijil-sijil saham tersebut dilapurkan hilang.

Mengikut Members Circular No. 3942 of 1989 ("circular tersebut") yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur bertarikh 25 Oktober 1989, bagi semua "scrips redrawn" oleh SCANS sebagai "not good for delivery", "buying-in" harus dilakukan oleh responden untuk menggantikan sijil-sijil saham tersebut.

Memandangkan perkara sedemikian, responden telah membuat "buying-in" untuk menggantikan sijil-sijil saham tersebut yang "not good for delivery" yang dijual atau dibeli oleh klien-klien perayu.

Dalam "buying-in" tersebut responden telah mengalami kerugian sebanyak RM94,259.32.

Responden melalui peguamcaranya telah menuntut daripada defendan wang RM94,259.31 melalui notis tuntutan bertarikh 13 Oktober 1998. Perayu masih enggan, gagal dan ingkar untuk membayar amaun tersebut atau sebahagiannya.

Responden menuntut daripada perayu wang sebanyak RM94,259.31, faedah dan kos. Responden telah memfailkan saman No. 52-571-99 untuk menuntut jumlah tersebut. Saman tersebut telah ditetapkan untuk sebutan di Mahkamah Sesyen Melaka pada 9 Julai 1999. Pada 9 Julai 1999 peguam bagi pihak responden telah hadir di Mahkamah Sesyen dan telah juga menyebut kes tersebut bagi pihak peguam perayu En. Shaari Nor. Kes tersebut telah ditetapkan untuk sebutan semula pada 23 Julai 1999. Pada 23 Julai 1999 peguam responden hadir di Mahkamah Sesyen. Perayu dan peguamnya telah tidak hadir di mahkamah tersebut. Sehingga 23 Julai 1999 tiada pernyataan pembelaan difailkan oleh atau bagi pihak perayu. Pada tarikh tersebut Mahkamah Sesyen telah memasukkan penghakiman engkar terhadap perayu dan memerintahkan perayu membayar kepada responden RM94,259.31, faedah dan kos.

Pada 20 Ogos 1999, perayu telah memfailkan notis permohonan bertarikh 5 Ogos 1999 (ms. 17 rekod rayuan) memohon:

(1) Untuk melanjutkan masa;

(2) Supaya perintah yang dibuat oleh mahkamah pada 26 Julai 1999 untuk penghakiman engkar diketepikan;

Perenggan 2 dalam permohonan itu adalah silap kerana tarikh penghakiman engkar dimasukkan oleh Mahkamah Sesyen ialah pada 23 Julai 1999 bukan 26 Julai 1999.

Permohonan perayu disokong oleh afidavit En. Shaari Nor yang telah ditandatangani pada 20 Ogos 1999 (ms. 18 hingga 19 rekod rayuan) dan afidavit perayu yang diikrarkan pada 17 Ogos 1999 (ms. 20 hingga 22 rekod rayuan).

Peguam responden telah memfailkan afidavit jawapan yang telah diikrarkan pada 13 September 1999. Pada 18 Februari 2000 selepas mendengar bantahan awal yang dibuat oleh peguam responden dan hujah peguam perayu dan peguam responden, mahkamah sesyen telah menolak permohonan perayu dengan kos. Perayu telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Mahkamah Sesyen tersebut.

Dalam hujahnya peguam responden berhujah bahawa bantahan awal telah dikemukakan oleh responden di Mahkamah Sesyen adalah atas alasan-alasan berikut:

(1) Afidavit sokongan En. Shaari Nor (di ms. 18 hingga 19 rekod rayuan) telah gagal mematuhi A. 25 k. 22(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (KMR) 1980 kerana tidak menyatakan alamat tempat kediaman;

(2) Afidavit En. Shaari juga gagal mematuhi A. 25, k. 22(7) dan k. 22(8) KMR;

(3) Afidavit perayu (ms. 20 hingga 22 rekod rayuan) gagal memathui A. 25 k. 22(4) KMR kerana tidak menyatakan alamat tempat kediaman. Peguam responden berhujah bahawa alamat pos bukan alamat tempat kediaman;

(4) Afidavit perayu juga gagal mematuhi A. 53 k. 2(3) KMR kerana taipan yang terdapat di ms. 22 rekod rayuan adalah lebih kecil daripada 11 poin.

Menurut peguam responden kecacatan tersebut adalah serius dan membawa padah kepada permohonan perayu.

Peguam perayu berhujah bahawa Mahkamah Sesyen telah menolak permohonan perayu atas kecacatan yang hanya bersifat procedural dan bukan sesuatu yang serius. Menurut peguam perayu, responden tidak akan mengalami apa-apa prejudis dan perayu bersedia untuk membayar kos permohonan ini kepada responden jika rayuan dibenarkan. Dengan merujuk kepada A. 53 k. 7 KMR dan Pekeliling Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan No. 2 Tahun 1999 (bertarikh 22 Mei 1999), peguam perayu berhujah bahawa adalah menjadi tugas pendaftar mahkamah untuk menentukan diperingkat pemfailan bahawa afidavit-afidavit yang difailkan adalah mengikut aturan. Menurutnya perkara ini hendaklah diambil kira dalam menentukan samada sesuatu afidavit itu sempurna atau tidak bagi tujuan untuk memutuskan samada afidavit itu boleh

diterima atau tidak. Menurutnya jika seseorang peguam disaman kerana kecuaian, peguam tersebut boleh menamakan pendaftar sebagai pihak ketiga kerana tidak menyemak afidavit yang difailkan.

Dalam hujahnya peguam perayu mengaku bahawa penghakiman engkar yang telah dimasukkan oleh Mahkamah Sesyen adalah teratur (regular) dan oleh kerana ianya teratur (regular) perayu perlu menimbulkan "triable issue". Menurut peguam perayu perkara yang paling utama dalam kes ini ialah perayu mesti menunjukkan "*prima facie* defence" dan ini menurutnya telah dilakukan oleh perayu. Peguam perayu berhujah bahawa perayu tidak sepatutnya dihalang dari mengemukakan kesnya hanya kerana beberapa kecacatan.

Rayuan perayu dalam kes ini adalah terhadap keputusan Mahkamah Sesyen menolak pemohonan perayu untuk mengenepikan penghakiman Mahkamah Sesyen pada 23 Julai 1999, selepas mendengar penghujahan mengenai bantahan awal yang dikemukakan oleh responden. Kedudukan undang-undang mengenai pengenepian penghakiman engkar adalah jelas. Apabila sesuatu penghakiman itu telah diperolehi dengan teratur (regularly obtained), untuk mengenepikannya mestilah terdapat satu afidavit mengenai merit kes itu. Ini bererti seseorang pemohon mestilah mengemukakan kepada mahkamah keterangan bahawa dia mempunyai pembelaan *prima facie* (*prima facie* defence) (*Syarikat Joo Seng & Anor v. Habib Bank Ltd* [1986] 2 MLJ 129, *Hasil Bumi Perumahan Sdn Bhd v. United Malayan Banking Corp Bhd* [1994] 1 CLJ 329, *PL Construction Sdn Bhd v. Abdullah Said* [1989] 1 MLJ 60).

Dalam kes ini seperti yang diakui sendiri oleh perayu, penghakiman engkar terhadap perayu yang dimasukkan oleh Mahkamah Sesyen adalah regular. Soalnya ialah samada perayu telah mengemukakan bukti bahawa dia mempunyai pembelaan *prima facie* (*prima facie* defence)?. Untuk mengemukakan bukti bahawa ia mempunyai pembelaan bermerit atau berjaya menimbulkan arguable atau triable issue, perayu telah mengemukakan afidavitnya sendiri yang melampirkan satu salinan pembelaan yang dicadangkan (eks. KKHI, ms. 24 - 28 rekod rayuan).

Responden telah menimbulkan bantahan awal terhadap penggunaan afidavit-afidavit tersebut atas alasan afidavit-afidavit tersebut cacat kerana melanggar peruntukan di bawah A. 25 k. 22(4), (7) dan (8) dan A. 53 k. 2(3) KMR. Mahkamah Sesyen telah menerima bantahan awal ini. Perayu mendakwa hakim Mahkamah Sesyen telah melakukan kesilapan.

Jadi soal utama untuk pertimbangan mahkamah ini ialah samada afidavit-afidavit yang telah dikemukakan oleh dan bagi pihak perayu boleh digunakan sebagai keterangan?.

Kecacatan pertama yang ditimbulkan ialah tentang ketiadaan alamat tempat kediaman. Sehubungan ini A. 25 k. 22(4) KMR memperuntukkan:

> Tiap-tiap afidavit mestilah dinyatakan mengikut ganti nama orang pertama dan mestilah menyatakan tempat kediaman deponen dan pekerjaannya atau, jika dia tidak mempunyai tempat kediaman atau pekerjaan, perihalan dirinya, dan jika dia menjadi, atau diambil kerja oleh, suatu pihak dalam kausa atau perkara yang mengenainya afidavit itu diangkat sumpah, afidavit itu mestilah menyatakan fakta tersebut.

Penggunaan perkataan "mestilah" (must) memerlukan pematuhan yang mandatori. Dalam kes *Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v. Pua Lai Ong* [1996] 3 CLJ 321, Yang Arif Siti Norma Yaakob HMR (pada masa itu) di ms. 333 menyatakan:

> The word "must" as opposed to "may" is used in the rule, and we interpret that to mean as implying a peremptory mandate as opposed to a mere direction or discretion as the word "may" implies. We equate the meaning of the word "must" as that given to the word "shall", and for that reason the choice of the word "must" in the rule does not create the existence of any discretion or empowers the court to exercise any discretion.

Dalam afidavitnya, En. Shaari menyatakan (ms. 18 rekod rayuan):

> Saya, Shaari Bin Hj. Md. Nor (No. KP: 3333314) yang beralamat penyampaian di No. 359-A, Jalan Melaka Raya 4, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka; Pekerjaan: Peguambela & Peguamcara; seorang dewasa; Warganegara Malaysia dengan sesungguhnya dan berikrar bahawa.

Alamat ini adalah serupa dengan alamat yang terdapat di ms. 19 rekod rayuan, iaitu, alamat penyampaian Tetuan Shaari Nor & Co. Tiada bukti untuk menunjukkan bahawa ini juga adalah tempat kediaman En. Shaari.

Dalam afidavitnya pula, perayu menyatakan (ms. 20 rekod rayuan):

> Saya. KOH KEE HUAT (KP. NO. 5464297 lama/581121-04-5079 baru) yang beralamat pos di 7222-C, Batu 8, Paya Rumput, 76450 Melaka.

Alamat pos ini juga bukan alamat kediaman perayu. Ini juga jelas dari apa yang dinyatakan oleh peguam perayu ketika menjelaskan mengapa taipan di ms. 22 rekod rayuan adalah lebih kecil daripada taipan di muka surat-muka surat lain dalam afidavit perayu. Dalam hujahnya mengenai ini perayu menyatakan bahawa, "typing telah dibuat di Sabah di mana perayu tinggal".

Di mana sebenarnya tempat kediaman perayu di Sabah tidak dinyatakan.

Jadi afidavit En. Shaari dan afidavit perayu adalah cacat kerana tidak menyatakan tempat kediaman mereka masing-masing. Seperti yang telah dinyatakan keperluan di bawah A. 25 k. 22(4) KMR adalah suatu keperluan yang mesti dipatuhi. Atas alasan ini sahaja kedua-dua afidavit tersebut boleh ditolak penggunaannya. Tetapi bukan itu sahaja kecacatan yang terdapat mengenai kedua-dua afidavit tersebut.

Aturan 25 k. 22(7) KMR memperuntukkan bahawa:

> Tiap-tiap afidavit mestilah ditandatangani oleh deponen dan jurat **mestilah** diisi dan ditandatangani oleh orang yang dihadapannya afidavit itu diangkat sumpah.

A. 25 k. 22(8) KMR pula memperuntukkan:

> Sesuatu jurat mestilah mengikut salah satu bentuk dalam Borang 71.

Borang 71 yang ditetapkan dalam KMR adalah seperti berikut:

No. 71
BORANG JURAT
(Tajuk Am)

(a) Bagi afidavit oleh seorang deponen

Di angkat sumpah (atau diikrarkan) pada ... haribulan .. 19 ..., di ... (Dengan diterjemahkan oleh ...)

Dihadapan saya,
...
Pesuruhjaya Sumpah

(b) Bagi afidavit oleh dua orang deponen atau lebih

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) oleh deponen ... dan (atau oleh kedua-dua (atau kesemua) 19 ... , di ... (Dengan diterjemahkan oleh ...)

Dihadapan saya,
...
Pesuruhjaya Sumpah

(c) Bagi afidavit oleh orang buta huruf atau orang buta

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) pada ... haribulan ... 19 ..., di ... Saya, setelah dengan sebenarnya, sejelasnya dan seterusnya membacakan kandungan afidavit di atas (tambah jika ekshibit ada disebutkan dalam afidavit itu “dan menerangkan jenis dan kesan ekshibit-ekshibit yang

disebutkan di dalamnya itu") kepada deponen tersebut yang nampaknya cukup faham dengannya dan yang menurunkan tandanya pada afidavit itu dalam kehadiran saya (Dengan diterjemahkan oleh ...).

Dihadapan saya,
...
Pesuruhjaya Sumpah

(d) Bagi afidavit oleh seseorang yang tidak faham bahasa Inggeris.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) pada ... haribulan ..., 19 ..., dengan diterjemahkan oleh ... (jika jurubahasa itu bukannya Jurubahasa Mahkamah tambah yang berikut ini: " ... yang tersebut telah terlebih dahulu mengangkat sumpah menyatakan bahawa dia telah sebenarnya, sejelasnya dan seterangnya menterjemahkan kandungan afidavit ini kepada deponen ... dan bahawa dia akan dengan sebenarnya dan sejujurnya menterjemahkan sumpah (atau ikrar) yang sedang hendak dikendalikan keatas ... yang tersebut").

Dihadapan saya,
...
Pesuruhjaya Sumpah

Walaupun perkataan-perkataan yang digunakan dalam borang 71 adalah tidak sama satu persatu dengan perkataan-perkataan dalam borang 78 (borang jurat di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980), efek kedua-dua borang jurat tersebut adalah serupa. Jadi kes-kes yang diputuskan mengenai borang 78 di bawah KMT boleh digunakan sebagai otoriti bagi kes-kes mengenai Borang 71 di bawah KMR.

Keperluan untuk menggunakan bentuk jurat yang betul dan sempurna seperti yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah mahkamah adalah keperluan yang mandatori. Kegagalan mematuhi peruntukan mengenai penggunaan jurat yang betul dan lengkap akan mengakibatkan sesuatu afidavit itu cacat dan tidak boleh digunakan dalam keterangan. Ini telah dijelaskan oleh mahkamah dari masa ke semasa (*Voon Mow Chen v. Menteri Dalam Negeri & Anor And Five Other Cases* [1993] 4 CLJ 195. *Lim Goh Huat v. Saw Keng See* [1998] 6 MLJ 600, *Gan Thing Phing v. Ong Gek Kim (No 2)* [1999] 7 CLJ 146, *Han Euu Tiam v. Phang Kui Fatt & Ors* [1999] 4 CLJ 395 & *Utama Merchant Bank Bhd v. Dato Mohd Nadzim Mohd Salleh* [2001] 2 CLJ 235).

Dalam kes ini jurat yang terdapat di muka surat terakhir afidavit En. Shaari (ms. 19 rekod rayuan) adalah seperti berikut:

Ditandatangani oleh)

SHAARI BIN MD. NOR)

(No. K/P: 3333314))

Di Negeri Melaka

Pada 20 haribulan Ogos, 1999

Dihadapan saya:

t.t.
PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA

Afidavit ini telah difailkan oleh Tetuan Shaari Nor & Co. peguambela bagi defendan yang mempunyai alamat penyampaian di No. 359-A, Jalan Melaka Raya 4, TMR, 75000 Melaka.

Dalam penghakiman saya afidavit tersebut adalah cacat kerana jurat kepada afidavit tersebut tidak mempunyai tajuk (kes *Han Euu Tiam v. Phang Kui Fatt & Ors* [1999] 4 CLJ 395 diikuti.) Afidavit tersebut juga cacat kerana dalam jurat perkataan yang digunakan ialah "ditandatangani oleh" bukan "diangkat sumpah (atau diikrarkan)" seperti yang ditetapkan dalam borang 71. Dalam kes (*Voon Mow Chen v. Menteri Dalam Negeri & Anor And Five Other Cases*, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa penggunaan perkataan "diakui" atau "diperakui" dalam afidavit-afidavit yang berkenaan dalam kes itu menjadikan afidavit tersebut cacat dan tidak boleh digunakan dalam keterangan.

Selain dari itu, afidavit En. Shaari juga adalah cacat kerana gagal mematuhi A. 25 k. 30(2) KMR yang memperuntukkan:

Tiap-tiap afidavit mestilah diindoskan dengan suatu nota yang menunjukkan bagi pihak siapa ia difailkan dan tarikh-tarikh ia diangkat sumpah dan difailkan, dan sesuatu afidavit yang tidak diindoskan sedemikian tidaklah boleh difailkan atau digunakan tanpa kebenaran Mahkamah.

Nota yang terdapat di hujung afidavit En. Shaari tidak menyatakan tarikh bila afidavit tersebut diikrarkan dan difailkan. Dalam kes *Mohd Nazir Badar v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2000] 2 CLJ 805, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa kegagalan menyatakan tarikh bila afidavit itu diikrarkan dan difailkan menjadikan afidavit itu cacat dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran mahkamah.

Berdasarkan kepada huraian yang tersebut di atas saya memutuskan bahawa afidavit En. Shaari adalah cacat kerana tidak mematuhi keperluan mandatori di bawah A. 25 k. 22(4), A. 25 k. 22(7) dan (8) dan A. 25 k. 30(2) KMR.

Dalam penghakiman saya mana-mana satu daripada kegagalan ini mencukupi untuk menjadikan afidavit tersebut cacat dan tidak boleh digunakan dalam keterangan. Jika pun mana-mana satu daripada kegagalan tersebut tidak mencukupi untuk mengenepikan afidavit tersebut, kegagalan mematuhi ketiga-tiga keperluan tersebut secara kumulatif adalah memadai untuk menghalang penggunaan afidavit tersebut dalam keterangan, kecuali dengan kebenaran mahkamah. Dalam kes ini tiada permohonan samada secara formal atau lisan yang dikemukakan untuk memohon kebenaran mahkamah untuk menggunakan afidavit yang cacat itu. Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bahawa afidavit tersebut tidak boleh digunakan dalam keterangan.

Mengenai afidavit perayu pula, selain dari kecacatan berkaitan dengan kegagalan menyatakan alamat tempat kediaman seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, afidavit perayu juga cacat dari dua aspek. Kecacatan pertama ialah mengenai jurat.

Dalam kes *Han Euu Tiam v. Phang Kui Fatt & Ors* [1999] 4 CLJ 395 di ms. 400-401 Mahkamah Tinggi Temerloh menyatakan:

> First, there is no title in the jurat used in all the four affidavits. A jurat is a certificate and it is clear from Form 78, by the presence of the words -
>
> (Title as in action)
>
> appearing at the top part of the Form, that the title of the action must be stated at the top part of the certificate.
>
> Second, neither the words - "To an affidavit by one deponent..." (see Form 78(a) nor the words "To an affidavit by a blind (illiterate) person ... (see Form 78(c)), as the case may be, are found in the jurat. These words are of significance because they not only certify the circumstances of the deponent in the making of the affidavit but they also indicate which particular form in Form 78 (e.g. whether Form 78(a) or Form 78(c)) is being used. If the deponent is neither blind nor illiterate but is not conversant in the Malay language (bearing in mind in the present case that the affidavit is in the Malay language), then Form 78(a) must be used. The affidavit must be interpreted to him in the language that he understands by a competent interpreter, and thereafter that part of the form which reads "(Through the interpretation of ...)" must be completed accordingly. The full name of the interpreter (together with his identity card number) and the language (for example, Mandarin or Cantonese) used by him to interpret the contents of the affidavit to the deponent must be recorded in the blank spaces provided in the brackets.
>
> If, on the other hand, the deponent is conversant in the Malay language (and is not blind or illiterate), the form that must be used is still Form 78(a) and the aforesaid part of the form may still be completed. But it must now be

completed by inserting in the blank spaces within the brackets the words "(interpretation not required)" in the following manner:

(Through the interpretation of [interpretation not required])

This is one manner of dealing with the matter. Alternatively, and an easier way, would be for the Commissioner for Oaths, when preparing the jurat certificate, to simply drop the whole words in the brackets (i.e. the words "(Through the interpretation of ...)") from the form. When the words in the brackets do not appear in the jurat certificate, the court will assume that the deponent is conversant in the Malay language.

However, although this is an easier way, yet, I think, the former method is preferable because the jurat would then expressly indicate that the Commissioner for Oaths signing the jurat had addressed his mind to the question of the deponent's understanding of the language used in the affidavit. Thus, the question of the court making an assumption on the language proficiency of the deponent does not arise.

Jurat yang terdapat di muka surat terakhir afidavit perayu (ms. 22 rekod rayuan) adalah seperti berikut:

Diikrarkan dan ditandatangani oleh,

KOH KEE HUAT

(NO. K/P. 581121-04-5079

Di Kota Kinabalu, Sabah.

Pada 17 haribulan Ogos Tahun 1999.

Dihadapan saya,

t. t.
PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA

Dalam penghakiman saya jurat tersebut gagal mematuhi borang 71, KMR. Pertama penggunaan perkataan-perkataan "Di ikrarkan dan ditandatangani oleh" adalah tidak bertepatan dengan borang 71 yang menggunakan perkataan "diangkat sumpah (atau diikrarkan)". Tetapi oleh kerana perkataan "diikrarkan" telah digunakan, perkataan-perkataan "dan ditandatangani oleh", walaupun tidak perlu, tidak menjejaskan afidavit perayu. Kedua, jurat di hujung afidavit perayu tidak mempunyai tajuk. Ketiga, afidavit perayu (Koh Kee Huat) adalah dalam Bahasa Melayu. Walaupun jurat di hujung afidavit perayu telah meninggalkan perkataan-perkataan "dengan diterjemahkan oleh" dan walaupun cara ini adalah cara alternatif yang menurut kes *Han Euu Tiam v. Phang Kui Fatt & Ors*

boleh digunakan oleh seseorang pesuruhjaya sumpah dalam menyediakan afidavit seseorang yang dikatakan fasih dalam Bahasa Melayu, tiada bukti dari jurat tersebut dan juga mana-mana bahagian lain dalam afidavit perayu sendiri yang menunjukkan dengan jelas bahawa perayu fasih dalam Bahasa Melayu dan terjemahan tidak diperlukan dan pesuruhjaya sumpah yang menandatangani jurat tersebut telah berpuashati dengan kemahiran dan kefahaman perayu dalam Bahasa Melayu. Jika borang 71(a) KMR telah digunakan dan dilengkapkan seperti yang dihuraikan dalam kes *Han Euu Tiam*, kesamaran ini tidak timbul.

Jika kecacatan-kecacatan ini tidak mencukupi untuk menjadikan afidavit perayu cacat sehingga tidak boleh digunakan dalam keterangan, terdapat satu lagi kecacatan dalam afidavit perayu. Nota di bahagian bawah muka terakhir afidavit perayu adalah seperti berikut:

> Afidavit ini telah difailkan oleh Tetuan Shaari Nor & Co yang mempunyai alamat penyampaian di No. 359-A, Jalan Melaka Raya 4, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka (SN/723/99/k).

Nota tersebut tidak menyatakan tarikh bila afidavit tersebut diikrarkan dan difailkan. Ini adalah satu kegagalan mematuhi A. 25 k. 30(2) KMR. Dalam penghakiman saya atas kegagalan ini sahaja afidavit perayu adalah cacat dan tidak boleh digunakan dalam keterangan kecuali dengan kebenaran mahkamah. Dalam kes ini tiada permohonan samada secara formal atau lisan yang telah dikemukakan kepada mahkamah untuk mendapatkan kebenaran menggunakan afidavit yang cacat itu. Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bahawa afidavit perayu tidak boleh digunakan dalam keterangan.

Dalam penghakiman saya juga ujudnya peruntukan dibawah A. 53 k. 7 KMR yang memberi kuasa kepada pendaftar, atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan tugas menerima dan memfailkan apa-apa dokumen, untuk menolak apa-apa dokumen yang tidak mematuhi kaedah-kaedah dibawah KMR, tidak boleh menjadi alasan bagi litigant atau peguamnya untuk tidak mematuhi kaedah-kaedah Mahkamah Rendah atau meringankan akibat kegagalan mematuhi kaedah-kaedah mahkamah. Mahkamah sering mengingatkan tentang pentingnya kaedah-kaedah mahkamah dipatuhi. Dalam kes *Yu Oi Yong & Anor v. Ho Toong Peng & Ors* [1977] 1 MLJ 120 di ms. 121 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menyatakan:

> There should, in my view, be some adherence to the rules of court, unless required by circumstances, if there is to be any meaning or purpose in such rules. It should, I think, be realised by practitioners as well as by judges that while strict and slavish adherence to forms and rules can sometimes hinder the administrations of justice, these forms and rules should not be disregarded for no reason whatsoever, since they embody the experience of the courts over

the years in the cause of speedy and efficient administration of justice.

Dalam kes *Syarikat Telekom Malaysia Bhd v. Business Chinese Directory Sdn Bhd* [1994] 2 CLJ 729, di ms. 731 Mahkamah Agong menyatakan:

> Further, it has been held by the Courts that rules of Court are to be obeyed. Failure to comply with them will lead to chaos in the conduct of litigation.

Dalam kes *Dato' Wong Gek Meng v. Pathmanathan Mylvaganam* [1998] 1 CLJ 625 di ms. 631, Mahkamah Tinggi Johor Bharu menyatakan:

> In my judgment, strict and dutiful adherence to forms and rules especially to the RHC will, in the long run, ensure an efficient bar and with it, hopefully, a speedy and efficient administration of justice. Objection to technicalities must be viewed *prima facie* as non-compliance with the rules and the defaulters must pay dearly for it. It is obsolete now to adopt the old-fashioned attitude that the rules of the RHC are intended to facilitate and not impede the administration of justice. On the contrary, the administration of justice would be curtailed if the rules embodied in the RHC are not religiously followed. With the advent of the Multimedia Super Corridor, lawyers cannot afford to adopt a lackadaisical attitude nor can they wring their hands and say that the court would show mercy to them. As a code of procedure, the RHC should be strictly followed to the letter.

Dalam kes *Hj Mohamed Suboh v. Devadas* [1981] 1 MLJ 136, di ms. 137, Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa:

> The third category of rules are those which must be strictly complied with before a person can obtain any relief in court. Order 14 is a good example of this category of rules. The affidavit in support of an application for summary judgment must fulfil stictly the conditions set out in r. 1(a) of O. 14. If the affidavit is deficient for want of compliance with this rule the application for summary judgment will be dismissed unless the position is rectified by a supplementary affidavit.

Dalam penghakiman saya afidavit-afidavit yang difailkan untuk membuktikan terdapatnya pembelaan *prima facie* atau wujudnya arguable atau triable issue dalam suatu permohonan untuk mengenepikan penghakiman engkar juga hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah kaedah-kaedah mahkamah mengenai afidavit. Kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut menjadikan afidavit-afidavit itu cacat dan tidak boleh digunakan dalam keterangan melainkan kebenaran mahkamah telah diperolehi terlebih dahulu. Oleh kerana seperti yang telah dihuraikan, afidavit En Shaari dan afidavit perayu tidak boleh digunakan dalam keterangan, permohonan perayu untuk mengenepikan penghakiman engkar yang telah dimasukkan oleh Mahkamah Sesyen pada 23 Julai 1999 tidak disokong oleh apa-apa afidavit. Tanpa

apa-apa afidavit perayu telah gagal untuk menunjukkan kepada mahkamah bahawa dia mempunyai pembelaan yang bermerit. Tanpa apa-apa afidavit, perayu juga telah gagal untuk menimbulkan arguable atau trible issue. Oleh yang demikian permohonan perayu seperti yang terdapat di ms. 17 rekod rayuan gagal.

Keputusan Keseluruhan:

Keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang diberikan pada 18 Februari 2000 menerima bantahan awal responden dan menolak permohonan perayu (di ms. 17 rekod rayuan) disahkan.

Rayuan perayu ditolak dengan kos.